

SPKS menang Gerai Rumah Terbuka Aidilfitri UMS

► Setelah menewaskan 30 fakulti dan unit lain yang turut sama bertanding

UB 30.8.2013 B2

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

KOTA KINABALU: Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) memenangi Pertandingan Gerai Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013.

Pasukan SPKS berjaya menewaskan 30 fakulti dan unit-unit lain yang turut sama bertanding pada pertandingan berkenaan yang telah diadakan di Dewan Kuliah 2, kelmarin.

Dengan kejayaan itu pasukan SPKS berjaya memenangi anugerah Paling Popular berserta wang tunai RM1,500 pada pertandingan tahunan itu.

Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Pengajian Seni (SPS) dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000.

Manakala di tempat ketiga

dimenangi oleh Institut Biologi, Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM500.

Pertandingan itu menyaksikan peserta membuka gerai jualan masing-masing dengan cara sekreatif yang mungkin.

Selain gerai, dari segi menyediakan makanan dan minuman turut dibuat sendiri oleh pelajar yang kemudiannya dihidangkan kepada tetamu yang hadir.

Pengerusi Penganjur dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said berkata pertandingan yang diadakan kali ini agak menarik dari segi penilaiannya berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Pertandingan tahun ini lebih menarik kerana pengiraan dari segi kriteria Eco-kampus diambil kira pada setiap gerai dalam proses penghakiman," katanya ketika berucap pada



JUHAR dan isteri melihat salah satu makanan yang disediakan.


"Pertandingan yang diadakan kali ini agak menarik dari segi penilaiannya berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pertandingan tahun ini lebih menarik kerana pengiraan dari segi kriteria Eco-kampus diambil kira pada setiap gerai dalam proses penghakiman."

DATUK ABDULLAH MOHD SAID

Pengerusi penganjur



(Gambar atas) JUHAR menerima cederamata daripada Harun. Manakala gambar bawah, kakitangan dan ahli SPKS mempamerkan makanan Arab.



PASUKAN SPKS memenangi pertandingan dengan gerai berkonsepkan Arab.

majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri UMS 2013 di sini, kelmarin.

Beliau berkata pertandingan berkenaan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai penglibatan daripada pelajar-pelajar dan kakitangan UMS.

"Selain itu, acara ini juga bagi mengukuh serta mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan warga UMS," katanya.

Rumah terbuka berkenaan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri merangkap Canselor UMS, Tun Johar Mahiruddin.

Turut hadir di majlis itu ialah Toh Puan Norlidah RM Jasni, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan isterinya Datin Baidah Ibrahim.



PARA pelajar UMS bergambar beramai-ramai selain mengambil peluang merasa makanan dan minuman yang disediakan.